



TERMA RUJUKAN
JAWATANKUASA DASAR
dan
JAWATANKUASA PEMANDU PERANCANGAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(JD/JPKK)

PINDAAN TAHUN 2014

Disediakan oleh
Urusetia JD/JPKK
Bahagian Perancangan KKM

19 Februari 2014

Isi Kandungan

PENDAHULUAN	2
LATAR BELAKANG	2
KEAHLIAN JAWATANKUASA.....	3
AHLI TETAP.....	3
AHLI-AHLI TAMBAHAN (CO-OPTED MEMBERS).....	4
FUNGSI JAWATANKUASA	4
SKOP DAN BIDANG KUASA JAWATANKUASA	5
KEKERAPAN MESYUARAT	6
SETIAUSAHA DAN URUSETIA JAWATANKUASA	6
PENUTUP.....	6
TARIKH KUATKUASA.....	6

**TERMA RUJUKAN
JAWATANKUASA DASAR DAN
JAWATANKUASA PEMANDU PERANCANGAN (JD/JPKK)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PINDAAN TAHUN 2014**

PENDAHULUAN

Pada 8 Ogos 2007 Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia (JDPKK) Bil.3/2007 telah meluluskan dan menerima pakai fungsi, bidang kuasa dan keahlian JDPKK, proses dan prosedur pembentangan kertas kerja dan maklumbalas pelaksanaan dasar oleh Jawatankuasa lain yang berkaitan.

Bagi tujuan penambahbaikan, pada 12 Mac 2012 Terma Rujukan ini telah dipinda dan dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia (JDPKK) Bil.1/2012. Pada Januari 2014, sekali lagi Terma Rujukan ini telah dipinda.

LATAR BELAKANG

1. JDPKK, merupakan satu Jawatankuasa Tertinggi Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertanggungjawab untuk memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar kesihatan.
2. JDPKK pada awalnya telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia, dan Ketua Pengarah Kesihatan.
3. Walaubagaimanapun, pada tahun 2014, terma rujukan ini telah diubah semula kerana Jawatankuasa ini telah terbahagi kepada 2 peringkat iaitu Jawatankuasa Dasar Kementerian Kesihatan (JDKK) yang dipengerusi oleh YB Menteri Kesihatan dan Jawatankuasa Pemandu Perancangan Kementerian Kesihatan (JPKK) yang dipengerusi oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia, dan Ketua Pengarah Kesihatan.
4. JDKK merupakan sebuah badan tertinggi di Kementerian Kesihatan Malaysia dalam membuat keputusan dasar utama, perancangan dan pembangunan di KKM secara holistik dan selaras dengan dasar-dasar dan wawasan negara yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan.
5. Manakala JPKK pula yang dipengerusikan bersama oleh Y.Bhg. Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kesihatan dan Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) akan membincangkan

mengenai Pelan Strategik dan Hala Tuju Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di samping persediaan mengenai Rancangan Malaysia Lima Tahun sebelum ianya dibawa ke JDKK.

KEAHLIAN JAWATANKUASA

6. AHLI TETAP

6.1. Jawatankuasa Pemandu Perancangan Kementerian Kesihatan (JPKK)

Pengerusi JPKK adalah YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan dan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Ahli-ahli lain terdiri daripada dan Ketua-Ketua Program di KKM yang menjadikan keahlian JPKK seramai 19 orang seperti berikut:

- 6.1.1. Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan (PENGERUSI)
- 6.1.2. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (PENGERUSI)
- 6.1.3. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
- 6.1.4. Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
- 6.1.5. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
- 6.1.6. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- 6.1.7. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- 6.1.8. Pengarah Kanan Perkhidmatan Pergigian
- 6.1.9. Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
- 6.1.10. Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan
- 6.1.11. Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
- 6.1.12. Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit
- 6.1.13. Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan
- 6.1.14. Setiausaha Bahagian Kewangan
- 6.1.15. Setiausaha Bahagian Sumber Manusia
- 6.1.16. Setiausaha Bahagian Pembangunan
- 6.1.17. Setiausaha Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa
- 6.1.18. Penasihat Undang-undang
- 6.1.19. Pengarah Bahagian Perancangan - Ahli & Setiausaha

6.2. **Jawatankuasa Dasar Kementerian Kesihatan (JDKK)**

Pengerusi JDKK adalah YB Menteri Kesihatan. Ahli-ahli lain terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dan Timbalan Ketua Setiausaha dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan di KKM yang menjadikan keahlian JDKK seramai 9 orang seperti berikut:

- 6.2.1. YB Menteri Kesihatan (Pengerusi)
- 6.2.2. Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan
- 6.2.3. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
- 6.2.4. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
- 6.2.5. Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
- 6.2.6. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
- 6.2.7. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- 6.2.8. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- 6.2.9. Pengarah Bahagian Perancangan - Ahli & Setiausaha

7. **AHLI-AHLI TAMBAHAN (CO-OPTED MEMBERS)**

Selain dari ahli tetap yang dinyatakan di para 6.1 dan 6.2 di atas, komposisi keahlian akan disemak dari masa ke semasa atas persetujuan Y.Bhg.Pengerusi. Kementerian/agensi dan pihak tertentu yang terlibat dengan isu yang dibincangkan akan dijemput hadir sebagai ahli tambahan JDKK dan JPKK (*co-opted members*) apabila terdapat penggubalan dasar yang secara terus melibatkan jabatan mereka. Bagi ahli yang tidak dapat hadir, tiada pengganti dibolehkan untuk mewakili mesyuarat JDPKK.

FUNGSI JAWATANKUASA

8. **PERANAN JPKK**

- 8.1. Meneliti dan memperakukan pelan atau hala tuju utama yang telah dirumuskan dan dicadangkan bagi Rancangan Malaysia Lima Tahun.
- 8.2. memperakukan dasar kesihatan baharu yang dibentangkan;
- 8.3. meneliti dan memperakukan kertas kerja untuk dikemukakan kepada Kementerian atau agensi lain untuk pertimbangan perlaksanaan dasar berkaitan kesihatan;
- 8.4. meneliti dan membincangkan draf Rang Undang-Undang termasuk draf Undang-Undang pindaan sebelum dikemukakan kepada pihak Jabatan Peguam Negara;

- 8.5. meneliti dan membincangkan isu-isu pelaksanaan sesuatu dasar kesihatan bagi mengemukakan cadangan penambahbaikan dan penyelesaian;
- 8.6. memantau serta memastikan bahawa Bahagian/Jabatan/Institusi KKM berkenaan mengemaskini dan menyemak semula dasar yang sediaada dari masa ke semasa agar dasar tersebut sentiasa relevan dan selaras dengan dasar-dasar negara terkini dan hala tuju sektor kesihatan dan negara.

9. PERANAN JDKK

- 9.1. Meluluskan pelan atau hala tuju utama yang telah dirumuskan dan dicadangkan bagi Rancangan Malaysia Lima Tahun.
- 9.2. meluluskan dasar kesihatan baharu yang telah dibentangkan dalam JPKK;
- 9.3. memberikan persetujuan kertas kerja untuk dikemukakan kepada Kementerian atau agensi lain untuk pertimbangan pelaksanaan dasar berkaitan kesihatan;
- 9.4. memberi keputusan bagi meluluskan draf Rang Undang-Undang termasuk draf Undang-Undang pindaan sebelum dikemukakan kepada pihak Jabatan Peguam Negara;

SKOP DAN BIDANG KUASA JAWATANKUASA

10. Bidang kuasa jawatankuasa ini merangkumi perkara-perkara yang mempunyai implikasi dan kepentingan besar kepada Kementerian Kesihatan seperti berikut:
 - 10.1. Perkara-perkara yang mempunyai impak nasional seperti perancangan pelan induk pembangunan kesihatan negara;
 - 10.2. Perkara-perkara dasar seperti dasar-dasar baru atau perubahan-perubahan dasar yang berkaitan dengan Akta dan Peraturan-Peraturan Kesihatan, , penubuhan Majlis dan transformasi kesihatan;
 - 10.3. Perkara-perkara yang menyentuh dasar-dasar penting yang melibatkan beberapa kementerian yang memerlukan penyelarasan termasuk dasar-dasar yang mungkin bercanggah atau bertindih.

KEKERAPAN MESYUARAT

11. Kedua-dua JD/JPKK perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau pada bila-bila masa seperti yang diarahkan oleh Pengerusi.

SETIAUSAHA DAN URUSETIA JAWATANKUASA

12. Setiausaha JD/JPKK ialah Pengarah, Bahagian Perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia
13. Urusetia JD/JPKK ialah Unit Perancangan Dasar dan Pelan Kesihatan, Bahagian Perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia
14. Kertas kerja yang dibentangkan dalam JPKK adalah seperti **Lampiran A-C**.
15. Carta Alir Prosedur Pembentangan adalah seperti **Lampiran D**

PENUTUP

Semua Bahagian/Agensi di Kementerian Kesihatan hendaklah mengambil perhatian dan mematuhi Terma Rujukan ini yang berkuat kuasa pada tarikh yang ditandatangani. Sebarang pertanyaan berhubung terma rujukan ini boleh dikemukakan kepada :

Urusetia JD/JPKK
Unit Perancangan Dasar dan Pelan Kesihatan
Bahagian Perancangan
Tingkat 6, Blok E6
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
Tel : 03-8883 2125/2135
Faks :03-8883 2136

TARIKH KUATKUASA

Terma Rujukan JD/JPKK ini diluluskan dan berkuatkuasa pada _____

Diluluskan oleh :

Ketua Setiausaha KKM

Ketua Pengarah Kesihatan

LAMPIRAN A

KERTAS KERJA JD/JPKK

16. Isi kandungan dan format kertas kerja adalah seperti yang ditetapkan oleh Urusetia JD/JPKK, (rujuk **Lampiran B dan C**).
17. Kertas kerja Mesyuarat JPKK perlulah ringkas, tepat dan padat serta mematuhi format yang telah ditetapkan.
18. Kertas kerja hendaklah disediakan dalam Bahasa Malaysia manakala slide pembentangan boleh disediakan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
19. Salinan soft-copy kertas kerja perlu dihantar ke Urusetia JD/JPKK, Bahagian Perancangan, selewat-lewatnya sebulan (1 BULAN) sebelum tarikh mesyuarat JPKK.
20. Salinan kertas kerja yang telah dihantar kepada Urusetia akan diserahkan kepada Ketua Program berkaitan pada minggu berikutnya untuk tujuan ulasan.
21. Ulasan oleh Ketua Program berkenaan perlu dikemukakan kepada Urusetia JD/JPKK selewat-lewatnya seminggu (1 MINGGU) sebelum tarikh mesyuarat JD/JPKK.
22. Kertas kerja dan ulasan dari Ketua Program akan diedarkan kepada ahli selewat-lewatnya tiga hari (3 HARI) bekerja sebelum tarikh mesyuarat JD/JPKK. Carta alir prosedur pembentangan dan kelulusan kertas kerja JD/JPKK seperti pada **Lampiran D**.
23. Hanya kertas yang telah dipersetujui terlebih dahulu oleh Y. Bhg. Ketua Setiausaha (KSU) atau Y. Bhg. Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pemandu (JPKK) dimana;
 - 23.1. Kertas kerja teknikal hendaklah dibincangkan terlebih dahulu dengan Y. Bhg. Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) atau dibawa ke Mesyuarat Khas KPK.
 - 23.2. Kertas kerja pengurusan atau kewangan perlu mendapat kelulusan Y. Bhg. Ketua Setiausaha (KSU) terlebih dahulu.
24. Sebarang kertas kerja yang ingin mendapatkan persetujuan dan kelulusan JD/KK haruslah dibincang/dibentangkan dalam JPKK terlebih dahulu.

TANGGUNGJAWAB PROGRAM/BAHAGIAN

25. Menyediakan kertas kerja/slide pembentangan dan dihantar ke Urusetia JD/JPKK, Bahagian Perancangan, selewat-lewatnya sebulan (1 BULAN) sebelum tarikh mesyuarat JPKK dan seterusnya membentangkan kertas tersebut di mesyuarat JPKK.
26. Melaksanakan semua keputusan dan melaporkan status tindakan kepada urusetia dalam tempoh sebulan (1 BULAN) selepas minit diedarkan.
27. Memasukkan pandangan/keputusan mesyuarat JPKK dalam Memorandum Jemaah Menteri (jika berkaitan) yang mana kertas isu tersebut telah dibincangkan di peringkat JPKK sebagai ulasan bagi Memorandum tersebut dan jika perlu dibawa ke mesyuarat JDKK.

TANGGUNGJAWAB URUSETIA JD/JPKK

28. Membuat hebahan setiap bulan kepada semua Bahagian/Jabatan/Institusi supaya mengemukakan Kertas Kerja untuk diangkat ke Mesyuarat JPKK
29. Menerima dan menyemak Kertas Kerja yang dikemukakan dengan memastikan cadangan kertas yang dikemukakan oleh kementerian/agensi menepati standard dan spesifikasi yang telah ditetapkan (rujuk Para 5-10) untuk pembentangan.
30. Mengedar Kertas Kerja kepada Ketua Program berkaitan bagi mendapatkan ulasan.
31. Mengedar Kertas Kerja dan ulasan kepada Ahli Mesyuarat JPKK sebelum mesyuarat diadakan.
32. Mengambil dan menyediakan Minit Mesyuarat JPKK.
33. Mengedarkan minit kepada ahli dalam tempoh 3 hari bekerja selepas mesyuarat diadakan.
34. Mengedarkan Cabutan Minit Mesyuarat kepada Bahagian/Jabatan/Institusi yang berkaitan
35. Mendapatkan maklumbalas pelaksanaan dasar yang telah diluluskan oleh JDKK dari Bahagian/Jabatan/Institusi berkenaan
36. Memantau pelaksanaan keputusan mesyuarat JDKK serta melaporkan status tindakan kepada JD/JPKK
37. Mengemaskini pangkalan data Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Mesyuarat JPKK dan status pelaksanaannya.

38. Mengemaskini dasar yang sediaada dari masa ke semasa agar dasar tersebut sentiasa relevan dan selaras dengan dasar-dasar negara terkini dan hala tuju sektor kesihatan dan negara.
39. Mengemaskini Terma Rujukan JD/JPKK dari masa ke semasa.
40. Membawa isu JPKK ke JDKK jika perlu.

FORMAT RINGKASAN DAN KELULUSAN KERTAS PEMBENTANGAN

BAGI MESYUARAT JD/JPKK

BIL:.....

TAJUK:

NAMA PEMBENTANG:

BAHAGIAN / INSTITUTSI / JABATAN KESIHATAN NEGERI:

JENIS PEMBENTANGAN: Kertas Kerja * (Dasar/Makluman)

BIL.	PERKARA YANG DIMAKLUMKAN
1.	Tujuan
2.	Ringkasan Points (Tidak melebihi 5 Points)
3.	Aspek yang diambil kira
4.	Tindakan yang akan diambil selepas pembentangan
5.	Ekspektasi diharapkan
KEPUTUSAN MESYUARAT (Untuk kegunaan Urusetia)	
1.	
2.	
3.	

Disediakan oleh:

.....

(Nama:)

Tandatangan dan Cop Rasmi

Tarikh :

PERAKUAN DAN KEPUTUSAN

Ulasan Ketua Bahagian	
* DISOKONG/TIDAK DISOKONG	
.....	
(Nama: _____)	
Tandatangan dan Cop Rasmi _____	Tarikh :
Ulasan Ketua Program	
(Kesihatan Awam/Perubatan/Penyelidikan & Sokongan Teknikal/Pergigian/Farmasi/Kualiti dan Keselamatan Makanan)	
Peringatan: Setiap Ketua Program mohon pastikan Kerta Kerja ini dikemukakan kepada YBhg.KPK/KSU untuk persetujuan bagi pembentangan.	
Kertas Kerja Ini Dimajukan Kepada Y.Bhg. KPK/KSU	
SETUJU/TIDAK SETUJU	
.....	
(Nama: _____)	
Tandatangan dan Cop Rasmi _____	Tarikh :
KEPUTUSAN Y.BHG. KPK/KSU	
SETUJU/TIDAK SETUJU	
.....	
(Nama: _____)	
Tandatangan dan Cop Rasmi _____	Tarikh :

Nota: Sila kemukakan dokumen berikut kepada Urusetia;

- i. Lampiran 1: Ringkasan dan Kelulusan Pembentangan yang lengkap ditandatangani (setelah dipersetujui oleh YBhg Dato' KPK) (**hard copy atau scan dan di e-melkan**)
- ii. Kertas pembentangan lengkap (**soft copy**) dan
- iii. Slaid pembentangan (**Terhad kepada 10 slaid sahaja**) (**soft copy**)

URUSETIA MESYUARAT JD/JD/JPKK

Unit Perancangan Dasar dan Pelan Kesihatan

Bahagian Perancangan, Kementerian Kesihatan Malaysia,

Aras 6, Blok E6, Parcel E, Persint 1,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 PUTRAJAYA

Tel: 03 – 8883-2135 /03-88832124/ 012-4407885/012-6389414/012-3135054/

Faksimili: 03-8883 2136

e-mel: rohana_s@moh.gov.my (Puan Rohana Shaari; salinan email kepada

najwa@moh.gov.my (Dr. Najwa bt Misdan) dan nordin.s@moh.gov.my (Dr. Nordin

Saleh)

FORMAT KERTAS KERJA JD/JPKK

1. Tajuk dan Bahagian yang menyediakan kertas kerja berkenaan
2. Ringkasan Kertas Kerja
3. Tujuan Kertas Kerja seperti berikut:
 - 3.1 Persetujuan +/-
 - 3.2 Keputusan +/-
 - 3.3 Makluman +/-
4. Latar belakang
5. Isu utama / perkara yang ingin dibincangkan/dimaklumkan sebagai cadangan, alternatif, atau makluman, dan asas keputusan yang perlu diambil.
6. Implikasi sumber terutama sumber manusia dan teknikal, sumber kewangan dan sebagainya.
7. Perkara yang memerlukan pertimbangan dan kelulusan JDKK (jika berkenaan)
8. Implikasi jika cadangan ditolak (jika berkenaan)
9. Syor kertas kertas kerja (jika berkenaan)

CARTA ALIR PROSEDUR PEMBENTANGAN DAN KELULUSAN KERTAS KERJA JD/JPKK

